

(tempat sujud Baginda) dan dinding (di sebelah qiblat) ialah sekadar boleh dilalui seekor biri-biri.”

٤٦٧- حَدَّثَنَا الْمَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ أَبِي عُبَيْدٍ عَنْ سَلَمَةَ قَالَ كَانَ جِدَارُ الْمَسْجِدِ عِنْدَ الْمِنْبَرِ مَا كَادَتْ الشَّاةُ تَجُوزُهَا

467- Al-Makki bin Ibrahim (al-Balkhi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Abi `Ubaid (hamba bebasan Salamah bin al-Akwa`) meriwayatkan kepada kami daripada Salamah (bin al-Akwa`), katanya: “Dinding masjid (Nabi s.a.w.) dekat mimbar (Beliau s.a.w. di sebelah qiblat) itu, biri-biri pun sukar melepaskannya.”⁷⁹⁵

⁷⁹⁵ Tujuan Bukhari mengemukakan hadits ini juga untuk menyatakan perihal dekatnya dinding yang merupakan sutrah Rasulullah s.a.w. dengan tempat beliau berdiri mengerjakan sembahyang. Ia kira-kira tiga hasta. Jarak dinding itu dengan tempat sujud Beliau s.a.w. apabila beliau bersujud pula ialah kira-kira sejengkal iaitu sekadar dapat lalu seekor biri-biri dengan agak sukar. Sedia dima'lumi bahawa masjid Rasulullah s.a.w. tidak bermihrab dan mimbarnya diletakkan agak rapat dengan dinding di sebelah qiblat. Sehingga ruang yang ada di antara mimbar Nabi s.a.w. dengan dinding di sebelah qiblat itu hanyalah sekadar dapat lalu seekor biri-biri dengan agak sukar. Dima'lumi juga bahawa Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang sebagai imam di sebelah kiri mimbar. Panjang mimbar itu ialah tiga hasta. Ia mempunyai dua anak tangga dan tempat duduk di atasnya. Tidakkah apabila Rasulullah s.a.w. bersembahyang di tepi mimbar itu, jarak di antara beliau dengan dinding tiga hasta juga? Dan selebihnya ada sedikit ruang kadar sejengkal di antara kepala Baginda s.a.w. ketika bersujud dengan dinding di hadapannya?? Mungkin ada yang musykil di sini lalu berkata: “Tidak jelas tersebut di dalam hadits Salamah di atas, kedudukan mimbar Nabi s.a.w. yang begitu dekat dengan dinding di sebelah qiblat itu memang kedudukannya semasa hayat Baginda s.a.w. Boleh jadi apa yang diceritakan oleh Salamah itu menggambarkan kedudukannya selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Riwayat al-Isma`ili di bawah ini merungkai segala kemusykilan itu. Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-`Aini menjelaskan bahawa hadits ini diriwayatkan oleh al-Isma`ili melalui saluran riwayat Abi `Aashim daripada Yazid bin Abi `Ubaid bahawa Salamah berkata: كان المنبر على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم ليس بينه وبين حائط القبلة إلا قدر ما تمر العنزة Bermaksud: “Senggang di antara mimbar itu dengan dinding di sebelah qiblat di zaman Rasulullah s.a.w. hanyalah sekadar dapat dilalui seekor kambing.” Riwayat al-Isma`ili ini jelas menunjukkan hadits Salamah itu sebenarnya marfu` bukan mauquf seperti yang disangkakan. **Hadits al-Makki bin Ibrahim** ini adalah yang kedua daripada Tsulaatsiyyaat Bukhari di dalam Sahihnya. **Hadits Tsulaatsiyyaat** merupakan antara hadits kebanggaan Bukhari, kerana perawi di antara beliau dengan Rasulullah s.a.w. hanya tiga orang sahaja. Hadits Tsulaatsiyyaat yang pertama telah pun berlalu di bawah **باب اثم من كذب على النبي صلى الله عليه وسلم**. Ia juga diriwayatkan oleh Bukhari daripada al-Makki bin Ibrahim melalui saluran yang sama dengan Tsulaatsiyyaat yang kedua ini. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil dari hadits 466 dan 467 ialah: (1) Mengambil sutrah ketika bersembahyang merupakan salah satu sunnah Nabi s.a.w. (2) Seseorang yang bersembahyang dituntut berada tidak jauh di belakang sutrah. Jarak yang tsabit di dalam hadits-hadits sahih di antara seseorang yang bersembahyang dan sutrahnya ialah tiga hasta. Inilah pendapat jumhur `ulama` termasuk Bukhari, Syafi'e, Ahmad dan lain-lain. Sahal bin Abi Hasmah r.a. ada meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى سِتْرَةٍ فَلْيَنْتَهِ عَنْهَا لَا يَقْطَعِ الشَّيْطَانُ عَلَيْهِ صَلَاتُهُ Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menghadap ke arah sutrah, dia hendaklah menghampirinya supaya sembahyangnya tidak terjejas oleh syaitan. (Hadits riwayat an-Nasaa'i, Ahmad, Abu Daud, Baihaqi, al-Bazzaar, at-Thahaawi, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). Seseorang yang berada dekat dengan sutrah juga akan dapat melaksanakan anjuran Rasulullah s.a.w. di dalam hadits-hadits Baginda s.a.w. berhubung dengan orang yang lalu di antara orang yang bersembahyang dengan sutrahnya.

بَابُ الصَّلَاةِ إِلَى الْحَرَّةِ

65- Bab Bersembahyang Dengan Bersutrahkan Tombak.⁷⁹⁶

Lihatlah hadits Abu Sa'id ini sebagai salah satu contoh dari hadits-hadits Rasulullah itu. Kata Abu Sa'id; : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ فَإِنْ أَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ فَإِنْ أَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا Bermaksud: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrahnya (penghadangnya) dari dilintasi orang, maka jika ada sesiapa yang mahu melintas di hadapannya, dia hendaklah menghalangnya. Kalau dia mahu melintas juga maka hendaklah dihalangnya lagi dengan lebih keras, kerana orang yang hendak melintas juga itu (walaupun telah dihalang) sebenarnya adalah syaitan." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud dan lain-lain). Anjuran Rasulullah s.a.w. ini tentu sekali tidak dapat dilaksanakan oleh seseorang yang bersembahyang dalam keadaan berada jauh dari sutrah. (3) Memanglah harus berada agak jauh di belakang sutrah, tetapi ia tidak menepati sunnah Nabi s.a.w. Paling jauh pun janganlah melebihi tujuh hasta. Kalau sekitar tujuh hasta di belakang sutrah itu masih lagi ada sahabat mengamalkannya. Walaupun seperti kata Ibnu Batthaal ia adalah amalan yang ganjil kerana berlawanan dengan hadits-hadits yang tsabit dari Rasulullah s.a.w. Sebagai contohnya 'Abdullah bin Mughaffal seorang sahabat Nabi s.a.w. dikatakan telah dilihat oleh Abu Ishaq as-Sabi'i bersembahyang dalam keadaan jarak di antara beliau dengan sutrah ialah kira-kira tujuh hasta. Berikut ialah teksnya: عبد الرزاق عن ابن عيينة عن يونس عن أبي إسحاق قال: رأيت عبد الله بن مغفل يصلي وبينه وبين سترته نحو من سبع أذرع (Hadits riwayat 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya). Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya juga meriwayatkan atsar yang lebih kurang sama ma'nanya dengan atsar yang dikemukakan oleh 'Abdur Razzaaq ini. (4) Mimbar Nabi s.a.w. terletak di sebelah qiblat. Ia diletakkan begitu rapat dengan dinding masjid di sebelah qiblat itu sehingga seekor biri-biri atau kambing pun sukar melepaskannya. (5) Setelah dibuat mimbar untuk Rasulullah s.a.w. berucap di dalam masjidnya, Beliau s.a.w. selalu bersembahyang di sebelah kiri mimbar itu ketika mengimami orang ramai. (6) Masjid Nabi s.a.w. tidak bermihrab. Dinding di sebelah qiblatnya lurus dan sama saja. (7) Para sahabat sangat mengambil berat tentang segala perbuatan Nabi s.a.w. terutamanya yang berkaitan dengan ibadat. Mereka juga memerhatikan dengan cermat keadaan persekitaran Baginda s.a.w. beribadat. (8) Mengemukakan contoh, sebaik-baiknya ialah contoh yang lumrah di kalangan sesebuah masyarakat. Biri-biri dan kambing adalah binatang peliharaan yang lumrah dalam masyarakat 'Arab. (9) Jarak di antara tempat sujud dan sutrah seelok-eloknya ialah sekitar satu jengkal atau setengah hasta jua.

⁷⁹⁶ Harbah ialah sejenis tombak bermata lebar. Ia lebih kecil dari rumh. 'Anazah pula lebih kecil dari harbah. Panjangnya 'anazah itu hampir separuh rumh (tombak yang panjang). Apakah maksud Bukhari mengadakan bab ini dan bab selepasnya? Ada beberapa pandangan pensyarah Sahih Bukhari tentangnya. Antara lainnya ialah: (1) Boleh dikatakan kebanyakan pensyarah berpendapat Bukhari mengadakannya dengan maksud memberitahu tentang benda-benda yang selalu atau pernah dijadikan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai sutrah ketika bersembahyang. (2) Bukhari bermaksud menyatakan kadar benda yang boleh dijadikan sutrah daripada segi besar kecilnya, tinggi rendahnya, panjang pendeknya dan jenis-jenisnya. Daripada bab-bab dan hadits-hadits yang dikemukakan di bawahnya dapat disimpulkan bahawa sebaik-baiknya sutrah itu hendaklah setinggi lembing (yang pendek). Besarnya juga sekurang-kurangnya hendaklah sebesar lembing. Selain dinding, binatang dan lain-lain benda juga boleh dijadikan sebagai sutrah. Yang penting ialah ia kelihatan dengan nyata sebagai sutrah kepada orang-orang yang hendak lalu dan melintas di hadapan orang yang bersembahyang. (3) Oleh kerana ada larangan Rasulullah daripada menyerupai orang-orang kafir terutamanya dalam hal-hal ibadat, dan ada juga larangan Baginda s.a.w. daripada bersujud di hadapan sesuatu yang disembah oleh orang-orang kafir, mungkin terlintas di hati sesetengah orang bahawa kenapa Rasulullah s.a.w. menjadikan tombak atau lembing yang merupakan senjata itu sebagai sutrah? Bukankah ia juga disembah oleh orang-orang kafir, mungkin terlintas di hati orang-orang Sikh dan orang-orang Ireland dahulu misalnya termasuk antara masyarakat manusia yang menyembah senjata. Tidakkah dengan memacak tombak dan lembing sebagai sutrah dan menghadap ke arahnya menampakkan seolah-olahnya kita menyerupai mereka? Dengan mengadakan bab-bab ini Imam Bukhari bermaksud menafikan keserupaan dengan orang-orang kafir yang terlarang itu. Yang terlarang

Ahmad berkata: “Hadits garisan (sebagai sutrah) adalah dha’if.” Daraquathni berkata: “Ia tidak sahih dan tidak tsabit.” Imam Syafi’e di dalam Sunan Harmalah berkata: “Orang yang hendak bersembahyang tidak harus membuat garisan di hadapannya kecuali ia terdapat di dalam hadits yang sahih. Ketika itu barulah ia harus diikuti.” Di dalam Taqrib at-Tahzib dan Lisan al-Mizaan juga Hafiz Ibnu Hajar mengatakan Abu ‘Amar bin Muhammad bin Huraitis dan datuknya Huraitis majhul. Imam Zahabi juga mengatakan begitu. Jadi bagaimana hadits yang diriwayatkannya akan menjadi hasan. Bukankah dengan adanya ‘illat-‘illat seperti ini sesuatu hadits tidak boleh dihukum hasan, apa lagi hendak dihukum sebagai sahih?! Oleh itu benarlah tindakan Malik dan al-Laits yang mengatakan hadits tentang garisan sebagai sutrah itu tidak berasas sama sekali. Demikian juga tepat sekali sikap Bukhari yang langsung tidak memberi ruang kepada hadits-hadits seperti itu di dalam kitab Sahihnya. Seperkara lagi perlu dijelaskan di sini iaitu tidak benar kata-kata sesetengah ‘ulama’ bahawa kalau diandaikan hadits ini dha’if sekalipun, ia tetap harus dipakai dalam bab fadha’il. Sebabnya ialah perkara ini tidak termasuk dalam bab fadha’il. Ia termasuk bab hukum sebenarnya. Bukankah perintah Rasulullah s.a.w. supaya membuat garisan sebagai sutrah ketika tidak ada sesuatu yang lain yang dapat dijadikan sutrah, boleh memberi erti wajib jika tidak ada qarinah (petunjuk) yang memalingkannya daripada memberi erti itu?? Imam Syafi’e dalam qaul qadimnya menerima garisan sebagai sutrah. Tetapi setelah jelas kepada beliau kedua’ifan hadits garisan sebagai sutrah itu, beliau meninggalkannya dan mempopularkan pula qaul jadidnya. Kata-kata Syafi’e yang tersebut di dalam Sunan Harmalah itu merupakan qaul jadid beliau dalam masalah ini. Kalau Syafi’e menganggap ini soal fadha’il, kenapa beliau tidak terus berpegang dengan hadits Abu Hurairah itu? Kenapa sebaliknya beliau berkata: “Orang yang hendak bersembahyang tidak harus membuat garisan di hadapannya kecuali ia terdapat di dalam hadits yang sahih. Ketika itu barulah ia harus diikuti.” **Keduanya** ialah Imam Bukhari juga tidak menyebut langsung sama ada secara terang atau secara isyarat tentang kedudukan sutrah yang diletakkan di hadapan orang yang bersembahyang. Apakah ia harus diletakkan betul-betul di hadapan orang yang bersembahyang dengan erti ia betul-betul setentang dengan mukanya atau ia harus diletakkan dengan menyerong sedikit dari mukanya, sama ada ke kanan sedikit atau ke kiri sedikit. Berpandukan satu hadits yang dikemukakan oleh Ahmad dan Abu Daud, sutrah sepatutnya tidak diletakkan betul-betul setentang dengan muka orang yang bersembahyang. Nabi s.a.w. dikatakan tidak berdiri membuat sutrah di hadapannya. Sutrah itu sama ada diletakkan di sebelah kanan sedikit atau di sebelah kiri sedikit dari muka Baginda s.a.w. Berikut ialah hadits tersebut dengan sanad dan terjemahannya: حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَاشٍ حَدَّثَنَا أَبُو غَيْبَةَ عَنْ خُزَيْمَةَ بْنِ خُزَيْمٍ الْبَغْدَادِيِّ عَنْ صَبَّاحَةَ بِنْتِ الْمُقَدَّادِ بْنِ الْأَسَدِ عَنْ أَبِيهَا أَنَّهُ قَالَ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ الْوَلَدِ بَيْنَ كَامِلٍ مِنْ أَهْلِ حِمَصِ الْبَجْلِيِّ حَدَّثَنِي الْمُكَلَّبُ بْنُ خُزَيْمَةَ الْبَغْدَادِيِّ عَنْ صَبَّاحَةَ بِنْتِ الْمُقَدَّادِ بْنِ الْأَسَدِ عَنْ أَبِيهَا أَنَّهُ قَالَ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى إِلَى عَمُودٍ وَلَا غُودٍ وَلَا شَجَرَةٍ إِلَّا جَعَلَهُ عَلَى حَاجِيهِ الْيَمِينِ وَالْأَيْسَرِ وَلَا يَمْنُنُ لَهُ صَدَدًا Bermaksud: “Tidak pernah kulihat Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan bersutrahkan (tiang, kayu atau pokok melainkan Beliau s.a.w. akan berada di sebelah kanannya (sedikit) atau di sebelah kirinya (sedikit). Beliau s.a.w. tidak berdiri betul-betul setentang dengannya. (Hadits riwayat Ahmad dan Abu Daud). Hadits ini tentu sekali disedari kewujudannya oleh Bukhari kerana ia adalah riwayat gurunya sendiri Imam Ahmad Tetapi beliau langsung tidak menyebutnya walaupun secara isyarat melalui bab-bab yang dibuatnya. Kenapa? Tidak kerana lain melainkan kerana hadits itu bukan sekadar tidak menepati syarat beliau, malah ia adalah satu hadits yang sangat dha’if yang tidak perlu dihiraukan langsung. Ada tiga sebab kenapa hadits itu sangat dha’if. (1) Abu ‘Ubaidah Al-Walid bin Kamil adalah seorang perawi dha’if. (2) Jahaalah (tidak diketahui siapa sebenarnya) Muhallab bin Hujr dan Dhuba’ah. (3) Iththiraab (keadaan tidak ketentuan) isnad dan matannya. Abu ‘Ubaidah Al-Walid bin Kamil telah dihukum dha’if oleh Abu Hatim dan Abu al-Fath al-Azdi. Imam Bukhari berkata: “Padanya ada banyak ke’ajaiban.” Maksudnya ialah hadits-haditsnya banyak yang pelik. Ini ialah istilah yang digunakan oleh Bukhari untuk perwi dha’if atau perawi pendusta. Hafiz Ibnu Hajar mengatakan ia perawi lemah (لين الحديث). Berhubung dengan sebab kedua, Imam Zahabi dan Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Al-Muhallab seorang perawi majhul.” Dhuba’ah binti al-Miqdaad pula kata Hafiz Ibnu Hajar dan Ibnu a-Qatthaan: “Dia perawi yang tidak dikenali.” Berhubung dengan sebab ketiga pula, di dalam setengah-setengah isnadnya tersebut Miqdaam bukan Miqdaad. Demikianlah tersebut di dalam saluran riwayat Baihaqi. Di dalam setengah-setengah yang lain pula tersebut Miqdaam bin Ma’dikariba. Imam Ahmad juga meriwayatkan melalui saluran riwayat Baqiyyah daripada Al-Walid bin Kamil daripada al-Hujr atau Abi al-Hujr bin al-Muhallab al-Bahraani, katanya: Dhuba’ah binti Miqdaam bin Ma’dikariba daripada ayahnya. Lihatlah betapa tidak tetapnya (iththiraab) isnad Ahmad ini. Bandinglah dengan isnad beliau yang dikemukakan di permulaan perbincangan tadi. Iththiraab pada matan dapat dilihat

٤٦٨ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ أَخْبَرَنِي نَافِعٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُرَكِّزُ لَهُ الْحَرْبَةَ فَيُصَلِّي إِلَيْهَا

468- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qatthaan) meriwayatkan kepada kami daripada 'Ubaidillah (al-'Umari bin 'Umar bin Hafash bin 'Aashim bin 'Umar bin al-Khatthaab), (katanya): Naafi' meriwayatkan kepadaku daripada 'Abdillah bin 'Umar: "Bahawa biasanya dipancangkan tombak untuk Nabi s.a.w. Lalu Baginda bersembahyang dengan bersutrahkannya."⁷⁹⁷

بَابُ الصَّلَاةِ إِلَى الْعَتَرَةِ

66- Bab Bersembahyang Dengan Bersutrahkan Lembing.

٤٦٩ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا عَوْنُ بْنُ أَبِي جُحَيْفَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي قَالَ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْهَاجِرَةِ فَأَتَيْتُ بَوْضُوءَ فَتَوَضَّأَ فَصَلَّى بِنَا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَبَيْنَ يَدَيْهِ عَتَرَةٌ وَالْمَرْأَةُ وَالْجِمَارُ يَمْزُونَ مِنْ وَرَائِهَا

469- Adam (bin Abi Iyaas) meriwayatkan kami, katanya: Syu'bah (bin al-Hajjaaj) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Aun bin Abi Juhaifah (Wahab bin 'Abdillah as-Suwaa'i) meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya telah mendengar ayah saya bercerita, katanya: Rasulullah s.a.w. keluar kepada kami pada waktu tengahari, lalu dibawakan air sembahyang kepadanya. Maka Baginda s.a.w. berwudhu'. Kemudian mengimami kami

misalnya pada riwayat Nasaa'i melalui thariq Baqiyyah daripada Al-Walid bin Kamil, katanya: al-Muhallab bin Hujr al-Bahraani meriwayatkan kepada kami daripada Dhuba'ah binti Miqdaam bin Ma'dikariba daripada ayahnya, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: إذا صلى أحدكم إلى عمود أو سارية أو شيء فلا يجعله نصب عينيه ولا يجعله على حاجبه الأيسر Bermaksud: "Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menghadap kepada tiang, tonggak atau sesuatu yang lain (sebagai sutrah), maka benda-benda itu janganlah berada betul-betul di hadapannya. Dia hendaklah membiarkannya berada di sebelah kirinya. Hafiz Syamsuddin Ibnu al-Qayyim di dalam Tahzib Sunan Abi Daud ketika membuat komentar terhadap hadits ini berkata: 'Ali bin 'Ayyaasy meriwayatkannya sebagai perbuatan Rasulullah s.a.w. Baqiyyah pula meriwayatkannya sebagai sabda Baginda s.a.w. Pada kedua-dua riwayat itu terdapat perbezaan yang ketara. Demikian juga komen Ibnu al-Qatthaan dan az-Zaila'i. Daripada perbincangan ini dapat dilihat sebab kenapa Imam Bukhari tidak menerima hadits ini dan betapa telitinya beliau dalam menapis sesuatu hadits. Kiranya para pembaca sekalian dapat menduga sedikit sebanyak kepakaran dan kemahiran Imam Bukhari dalam ilmu hadits.

⁷⁹⁷ Hadits Ibnu 'Umar ini telah pun berlalu di bawah باب سترة الإمام سترة من خلقه. Lihat hadits no:464 bersama nota 789 di bawahnya untuk mendapat pengajaran dan panduan daripadanya.